

Penghargaan tinggi rakyat, kerajaan Melaka

UM 30 OCT 2003

MELAKA 29 Okt. — Seluruh rakyat dan kerajaan negeri Melaka menyatakan penghargaan yang tinggi terhadap Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana banyak berjasa dalam menyumbangkan kepada pembangunan negeri ini sepanjang tempoh 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, sumbangan Dr. Mahathir banyak membantu Melaka yang suatu ketika dahulu sebagai *sleeping hollow* kepada sebuah negeri yang menempa arus pembangunan pesat sekarang.

“Dr. Mahathir banyak mencurahkan bakti dalam memajukan negeri Melaka, sejak awal menjadi Perdana Menteri hinggalah tempoh-tempoh terakhir beliau akan melepaskan jawatannya itu,” kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Seri Negeri, Ayer Keroh, hari ini.

Mohd. Ali berkata, jasa dan pengorbanan Dr. Mahathir tidak terbalas dan bagi menyatakan penghargaan terhadap tokoh berkaliber itu, kerajaan negeri menganjurkan perhimpunan khas di Datar-

an Seri Negeri, Ayer Keroh pukul 8 pagi esok.

Menurutnya, perhimpunan itu akan membabitkan ketua-ketua jabatan, ahli-ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri serta seluruh kakitangan awam bagi menyatakan rasa terima kasih dan penghargaan mereka terhadap Dr. Mahathir.

“Selain acara mendeklamasi sajak *Di Atas Runtuhan Kota Melaka Di Dirikan Putrajaya* kakitangan awam turut akan menyampaikan lagu *Pahlawanku* bagi mengiringi perpisahan dengan tokoh yang mereka kasihi itu,” katanya.

Menurut beliau, kakitangan awam turut akan menandatangani nota terima kasih yang disediakan oleh jabatan masing-masing sebelum dibukukan dan diserahkan kepada Dr. Mahathir.

Dalam pada itu, kata beliau, kerajaan negeri turut akan menerbitkan buku bertajuk *Dr. Mahathir dan Melaka* bagi menyimpan koleksi kunjungan Dr. Mahathir ke Melaka sepanjang menjadi Perdana Menteri.